

29 JUL 2002

KWSP-Komputer/I

SYOR BERHUBUNG SKIM PEMBELIAN KOMPUTER DISERAHKAN KEPADA PM

BANGI, 29 Julai (Bernama) -- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan mengemukakan "pada bila-bila masa saja" hasil penemuan dan syor berhubung skim pengeluaran caruman untuk membeli komputer kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kata pengerusinya Tan Sri Abdul Halim Ali hari ini.

Laporan lengkap mengenai penemuan perunding yang dilantik oleh KWSP itu mengandungi apa sebenarnya yang berlaku dalam skim itu selain cadangan berkaitan dengannya.

"Kami akan mengemukakan laporan itu kepada Menteri Kewangan (Dr Mahathir) pada bila-bila masa mulai sekarang dan terpulanglah kepada Menteri Kewangan tentang hasilnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri seminar "Membiayai Keperluan Pelaburan Bagi Pembangunan Ekonomi" di sini.

Diminta mengulas tentang kandungan laporan itu, beliau berkata:

"Kerajaan perlu tahu laporan itu dahulu, barulah adil."

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata selain penemuan berkenaan, laporan itu juga memuatkan cara penyelesaian dan syor-syor tertentu.

Minggu lepas, Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh berkata kerajaan dijangka menerima laporan lengkap daripada KWSP berhubung skim tersebut sebelum pembentangan belanjawan September ini.

Katanya, jika skim itu didapati membabitkan banyak penipuan, kerajaan mungkin menghentikannya atau memperkenalkan skim yang mengandungi prosedur baru.

Mulai 27 Jun tahun ini, KWSP telah menggantung skim itu selama tiga bulan bagi membolehkannya membuat kajian tentang keberkesanannya berikutan wujudnya beberapa kes penipuan dan salah guna.

Melalui skim yang diumumkan oleh bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin semasa membentangkan belanjawan 2000, pencarum KWSP dibenarkan mengeluarkan sehingga RM3,500 simpanan mereka untuk membeli komputer.

Bagaimanapun, kerajaan mendapati ada peniaga melakukan penipuan dengan melantik ejen untuk menawarkan wang dan bukannya komputer kepada pencarum KWSP.

-- BERNAMA

DC ZS SP MAI